

Persepsi berubah

Oleh Nor Aisyah Ahmad

renclana@media-prima.com.my

Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Outreach Physics Camp yang disertai 143 pelajar tingkatan empat SM Sains Teluk Intan (SEMESTI) baru-baru ini.


Program yang dikeutai pensyarah kanan Fakulti Sains, Dr Yap Wing Fen turut disertai 36 ahli Kelab Mahasiswa Fizik yang berperanan sebagai fasilitator program itu.

Dr Yap berkata, program itu bagi menyemai minat mendalam terhadap ilmu sains dan fizik kepada pelajar.

Beliau berkata, ia juga bertujuan memindahkan ilmu fizik tambahan kepada pelajar sekolah sekali gus memudahkan mereka menggunakan ilmu itu selepas program berakhir.

"Pendekatan itu adalah lebih kepada pelaksanaan aktiviti yang memberi peluang pelajar menyaksikan dan mempelajari konsep-konsep fizik dalam kehidupan sehari-hari."

"Pendekatan ini memudahkan mereka memahami seterusnya menarik minat dalam proses



pembelajaran," katanya.

Aktiviti dimulakan dengan slot 'A Step Forward' yang memberi gambaran mengenai hala tuju pelajar selepas meninggalkan alam persekolahan.

Selain menekankan te-

ori asas fizik, kem ini juga menitikberatkan kemahiran psikomotor iaitu pelajar perlu mengaplikasikan kepakaran teknikal dalam menghasilkan dapur solar menggunakan bahan terhad.

PESERTA
bergambar kenangan
di akhir program.

CUKUP teruja pelajar ini untuk mencuba sendiri eksperimen yang dijalankan.

Pelajar, Huzaimah Kamil berkata, program itu memberi kesedaran bahawa ilmu sains fizik sesuatu yang mudah dan menjadi sebahagian dalam kehidupan sehari-hari.

"Kini, baru saya fahami bahawa bukan susah untuk mempelajari fizik jika faham asasnya."

"Jika dulu subjek ini paling tidak gemari tapi selepas kem ini, persepsi saya berubah," katanya.

